

Rafidah nafi tuduh Goh 'hilang akal'

BH 26 NOV 2000

SINGAPURA: Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz sekali lagi membidas wartawan AFP yang silap memetik kenyataan yang dikatakan menuduh Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, sebagai 'hilang akal'.

Beliau dipetik agensi berita berkenaan sebagai berkata, Goh 'hilang akal' selepas beliau pada sidang akhbar terdahulu, berkata Malaysia tidak mempunyai pendirian sama apabila dua menteri mengeluarkan kenyataan berbeza mengenai pembabitan Singapura dengan perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) dengan Australia dan New Zealand.

Rafidah dilaporkan agensi itu sebagai berkata: "Goh mesti hilang akal. Saya menteri bertang-

gungjawab. Saya mesti tahu, tidak ada perkara seperti itu berlaku."

Terdahulu, Rafidah ditanya mengenai kenyataan Goh mengenai perbezaan pendapat antara Rafidah dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, membabitkan tindakan Singapura menandatangani FTA dengan Australia dan New Zealand.

Malahan, Goh pada sidang akhbar itu turut mendakwa Malaysia juga bercadang mengadakan perjanjian FTA dengan Jepun.

Rafidah menafikan dakwaan Goh itu kerana Malaysia tidak pernah mengadakan rundingan dengan Jepun.

Beliau bersama wartawan menunggu ketibaan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mengadakan sidang akhbar.

Rafidah ketika dihubungi berikutan laporan AFP itu berkata, beliau mungkin mengeluarkan perkataan agak keras ketika menyentuh mengenai satu lagi laporan mengenai 'pertelingkahan' dengan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat, Charlene Barshefsky.

"Saya tidak bercakap mengenai Goh, tetapi bercakap mengenai laporan AFP mengenai 'pertelingkahan' dengan Bar-shefsky di mesyuarat Apex baru-baru ini," katanya menengulas laporan agensi itu.

Beliau kesal kerana ini kali kedua AFP memetik kenyataannya di luar konteks isu sebenar.